

Presiden syarikat telefon kena potong gaji

PRESIDEN dan lima eksekutif utama syarikat pengendali telefon mudah alih terbesar Jepun akan dikenakan pemotongan gaji sebagai simbol minta maaf susulan beberapa masalah rangkaian yang berlaku, kata NTT DoCoMo, baru-baru ini.

Firma itu mengakui yang ia terpaksa bergelut bagi menangani peningkatan trafik data berikutan populariti telefon pintar yang semakin berkembang dan menjamin akan melaksanakan siasatan bagi mengatasi isu itu.

Presidennya, Ryujia Yamada, bakal menyaksikan upahnya dikurangkan kepada 20 peratus selama tiga bulan manakala eksekutif lain akan dikenakan pemo-

tongan 10 peratus bagi tempoh yang sama.

“Saya memohon maaf kepada semua pelanggan kami di atas masalah besar ini,” katanya pada sidang media, di Tokyo, baru-baru ini.

Pemotongan itu membawa maksud jelas yang syarikat itu ingin bertanggungjawab sepenuhnya kerana menyebabkan masalah rangkaian tidak berfungsi serta kebocoran maklumat peribadi, kata NTT DoCoMo dalam satu kenyataan.

Masalah paling besar melanda syarikat itu berlaku Rabu minggu lalu, apabila 2.52 juta pelanggannya tidak dapat menggunakan perkhid-

matan untuk beberapa jam selepas mereka memperbaharui kelengkapan untuk meningkatkan kebolehan pemprosesan data.

Pada Disember lalu, ia mengalami masalah gangguan dalam servis e-mel telefon pintar mereka, yang menyebabkan kekeliruan dalam sistem apabila alamat penghantar e-mel ditukar dengan alamat penghantar lain.

“Syarikat itu juga merancang untuk melabur sebanyak 164 bilion yen (AS\$2.1 bilion) sehingga Mac 2015 bagi memperkasakan lagi rangkaianannya serta untuk menstabilkan operasinya sejajar dengan peningkatan pengguna telefon pintar,” katanya.— AFP